

NO. SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan telah menjalankan program penerangan di kalangan masyarakat bukan Islam mengenai pindaan Akta 355 supaya mereka lebih faham pindaan ini.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa usul mencadangkan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang

Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] adalah usul persendirian bukan ahli Kerajaan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen bagi kawasan Marang.

Memandangkan Kerajaan tidak terlibat secara langsung dalam usul persendirian tersebut, Kerajaan tiada halangan bagi pihak badan-badan bukan Kerajaan membuat program penerangan berhubung cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Sekian, terima kasih.